

30/09/1997

Aids: Wanita tidak terkecuali lagi

Manzaidi Mohd Amin

DALAM satu dekad, HIV dan Aids dikatakan merebak dengan cepat di kalangan wanita. Ini dikaitkan dengan pengabaian wanita sendiri dari segi seksual dan ekonomi.

Sehingga ini, lebih enam juta wanita sudah dijangkiti Aids manakala sejuta lagi terdedah kepada jangkitan itu tahun ini.

Jumlah itu membimbangkan semua pihak kerana Aids, pada 1980-an, tidak mencatatkan rekod wanita. Bagaimanapun, menjelang tahun 2000, lebih 13 juta wanita mungkin dijangkiti Aids dan empat juta daripada mereka akan mati.

Timbalan Dekan, Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr Nafisah Adeeb, ketika menyampaikan ceramah, di Seminar Wanita dan HIV/Aids di Kota Bharu, baru-baru ini, berkata wanita di seluruh dunia amnya mempersoalkan bagaimana virus itu boleh menular kepada wanita.

Menurutnya, untuk menghentikan pengabaian yang sering mengancam wanita sepanjang hayat dari generasi ke generasi, tindakan perlu diambil bagi membolehkan golongan itu meningkatkan pengetahuan dan taraf hidup mereka.

"Dalam tempoh satu dekad saja, Aids sudah menular menjadi wabak yang menjangkiti berjuta lelaki, wanita dan kanak-kanak di semua benua. Bilangan manusia yang dijangkiti HIV (iaitu virus yang mengakibatkan Aids) adalah jauh lebih besar."

"Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan lebih tiga juta kes Aids sudah ditemui menjelang tahun 2000. Anggaran pada pertengahan 1994 mendapati lebih 16 juta orang dewasa dan lebih sejuta bayi dijangkiti HIV sejak wabak itu merebak," katanya.

Beliau berkata, menjelang tahun 2000 dijangka kira-kira 30 hingga 40 juta orang mendapat jangkitan itu.

"Satu dekad lalu segelintir menjadi mangsa wabak ini, tetapi sekarang mereka menjadi tumpuan kebimbangan. WHO menganggarkan hampir separuh daripada orang dewasa yang baru dijangkiti Aids adalah wanita."

"Ini bermakna jumlah wanita yang dijangkiti HIV setiap tahun tidak boleh dikira, ia mencapai beribu atau ratusan ribu. Tahun lalu sahaja, lebih sejuta wanita dijangkiti, manakala setakat ini lebih enam juta wanita menjadi mangsa HIV di seluruh dunia dan angka ini sedang meningkat dengan cepat."

"Seramai 13 juta wanita dijangka akan dijangkiti HIV menjelang tahun 2000 dan empat juta daripada mereka akan mati," katanya.

Dengan peningkatan jangkitan HIV di kalangan wanita, ia akan memberi kesan kepada bayi yang mereka lahirkan.

Setakat ini jumlah ibu yang disahkan menghidap HIV itu mencapai satu juta dan lebih setengah juta sudah diserang Aids.

Secara purata, di seluruh dunia kira-kira satu pertiga bayi yang dilahirkan oleh ibu yang dijangkiti HIV akan turut mendapat jangkitan itu.

Menurut Dr Nafisah, cara jangkitan paling meluas di kalangan wanita ialah menerusi hubungan seks 'heteroseksual' (hubungan kelamin tidak selamat) dan perkongsian jarum suntikan.

Katanya, di kebanyakan negara membangun jangkitan melalui dua faktor itu memang meluas mengakibatkan beban Aids yang ditanggung golongan wanita meningkat.

"Di mana-mana sahaja, mereka yang mengadakan hubungan seks tanpa perlindungan dengan ramai pasangan menghadapi risiko tinggi. Tetapi perlu diingatkan apabila wabak itu memuncak, cengkaman jangkitannya semakin

meluas, sehingga turut membabitkan wanita yang mengadakan hubungan seks dengan satu pasangan sahaja."

"Di merata negara dunia, terdapat kadar jangkitan yang tinggi di kalangan wanita hamil."

"Kajian menunjukkan kebanyakan mereka mengamalkan monogami dan mendapat jangkitan daripada pasangan tunggal iaitu suami mereka," katanya.

Hadir sama menyampaikan ceramah ialah Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datuk Paduka Marina Mahathir dan Pengarah Pusat Motivasi Wanita Malaysia, Zaiton Zainal Abidin.

(END)